SOALAN NO: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]**
TARIKH	:	**26 JULAI 2017**
SOALAN	:	**77**

YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) apakah status terkini pembinaan hospital Kerajaan di Cyberjaya seperti yang diumum oleh YAB Perdana Menteri pada pembentangan belanjawan negara tahun lepas; dan

(b) memandangkan Cyberjaya terletak di bawah Parlimen Sepang, adakah hospital yang akan dibina itu akan dinamakan Hospital Sepang.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Projek Pembangunan Hospital Cyberjaya kini dalam peringkat perolehan dan pemilihan Kontraktor, di mana kontrak tersebut dijangka dapat dianugerahkan kepada Kontraktor yang berjaya pada bulan Ogos 2017. Tempoh pembinaan hospital tersebut dijangka akan mengambil masa selama 39 bulan dan akan bermula beroperasi pada awal tahun 2021.

(b) Buat masa ini, tiada perancangan di pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menukarkan nama Hospital Cyberjaya menjadi Hospital Sepang.